



SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM


PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

PEGAWAI PENYELIDIK (B.2 EB.3) PUSAT PENYELIDIKAN DAN PERKEMBANGAN SAINS DAN TEKNOLOGI KEMENTERIAN PERTAHANAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



1. PEGAWAI PENYELIDIK
PUSAT PENYELIDIKAN DAN PERKEMBANGAN SAINS DAN TEKNOLOGI
KEMENTERIAN PERTAHANAN
B.2 EB.3 [\$2,270 - \$4,240 SEBULAN]
KEKOSONGAN = SATU (01)


KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang berikut atau bidang bersesuaian:
 - Kejuruteraan Aeronautik (*Aerospace / Aeronautical Engineering*)
 - Kejuruteraan Bahan (*Materials Engineering*)
 - Kejuruteraan Bio (*Bio Engineering*)
 - Kejuruteraan Eletrikal & Elektronik (*Electrical & Electronic Engineering*)
 - Kejuruteraan Kimia (*Chemical Engineering*)
 - Kejuruteraan Maritim (*Naval Engineering*)
 - Kejuruteraan Mekanikal (*Mechanical Engineering*)
 - Kejuruteraan Mekatronik (*Mechatronics Engineering*)
 - Kejuruteraan Rangkaian Komputer (*Computer Network Engineering*)

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Mengurus, menyelaras dan memantau pelaksanaan projek-projek Pusat Penyelidikan dan Perkembangan Sains dan Teknologi (P3ST), terutamanya yang berkaitan dengan perkembangan keupayaan pertahanan dan memastikan projek-projek tersebut dilaksanakan dengan sempurna serta mengikut jadual pelaksanaan yang ditetapkan;
2. Bertanggungjawab kepada Pegawai Kanan Pusat Penyelidikan dan Perkembangan Sains dan Teknologi (P3ST) dalam projek-projek yang diuruskan oleh Pusat Penyelidikan dan Perkembangan Sains dan Teknologi (P3ST);
3. Mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran Kejuruteraan Sistem (*System Engineering*) dalam perolehan dan pengurusan sepanjang hayat keupayaan. Pegawai ini akan dilatih dalam bidang Kejuruteraan Sistem semasa bekerja di Pusat Penyelidikan dan Perkembangan Sains dan Teknologi (P3ST);



4. Menyelidik dan mengenalpasti teknologi-teknologi pertahanan yang terbaru, menyemak dan meneliti tawaran yang diterima dan memberi penilaian / tafsiran dari segi sains dan teknologi;
5. Mengendalikan pengumpulan maklumat mengenai sesuatu produk atau teknologi dan menyumbang kepada proses pemilihan pembekal;
6. Menyelidik dan membuat laporan-laporan projek;
7. Berinteraksi dengan tim projek bagi menghalusi dokumen-dokumen keperluan pertahanan;
8. Memastikan hasil projek-projek adalah menepati keperluan pengguna (*User*) atau penaja projek (*Project Sponsor*);
9. Membantu Pegawai Kanan Pusat Penyelidikan dan Perkembangan Sains dan Teknologi (P3ST) dalam memastikan projek perkembangan dan pemodenan ketenteraan dilaksanakan selaras dengan kehendak dan keperluan perancangan strategik Kementerian Pertahanan (KEMENTAH) dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB);
10. Menyumbang kepada penambahaikan proses yang berterusan dan dasar Kementerian Pertahanan (KEMENTAH) dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dari semasa ke semasa;
11. Menyumbang kepada pelaksanaan inisiatif-inisiatif sains dan teknologi Kementerian Pertahanan (KEMENTAH) dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dari semasa ke semasa; dan
12. Melaksanakan tugas-tugas seperti yang dikehendaki oleh Pengarah Pusat Penyelidikan dan Perkembangan Sains dan Teknologi (P3ST) atau Pegawai Kanan Pusat Penyelidikan dan Perkembangan Sains dan Teknologi (P3ST) dari semasa ke semasa.



Senarai semak sebelum memohon jawatan kosong dalam Bahagian II

Sila pastikan maklumat-maklumat berikut hendaklah lengkap dan di muat naik ke dalam Profil awda sebelum menekan butang 'Apply':



Kad pengenalan dan Lesen Memandu (jika berkenaan).

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	Kad Pengenalan.pdf
	2016	2016	25/8/2016	Lesen Memandu.pdf



SIJIL Degree (Ijazah Sarjana Muda) serta KELULUSAN TRANSKRIP yang dikehendaki oleh Skim Iklan dan PENGESAHAN PENGIFTIRAFAN KELULUSAN (MKPK) bagi kelulusan Institusi Pengajian Swasta dan Institusi dari luar negeri.

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	PHD.pdf
	2016	2016	25/8/2016	MASTER.pdf
	2016	2016	25/8/2016	DEGREE.pdf
	2016	2016	25/8/2016	HND.pdf
	2016	2016	25/8/2016	HNC.pdf
	2016	2016	25/8/2016	ND.pdf

Hendaklah ada maklumat bidang kelulusan ('field') seperti contoh Business Administration di ruangan yang tersembunyi dengan menekan tanda "+" disebalah kiri diruangan Bachelor of Arts. jika sekiranya belum diisikan maklumat bidang ('field'), sila tekan tanda "+add" dibawah kelulusan tersebut dan seterusnya menaip bidang awda seperti contoh Business Administration, Employment Relation dan sebagainya.



		Title of Examination	University/College	Result of Examination	Upload File
		BACHELOR OF ARTS	Universiti Brunei Darussalam	PASS	DEGREE.pdf
		Field			
		BUSINESS ADMINISTRATION			
		+ Add			

Bagi pemohon yang memenuhi syarat pengalaman sahaja, pastikan mempunyai pengalaman sepetimana kehendak skim dan seterusnya memastikan **SIJIL** Kelulusan Tertinggi yang diperolehi berserta **KELULUSAN TRANSCRIPT** (jika berkenaan) dan **PENGESAHAN PENGIFTIRAFAN** kelulusan (MKPK) bagi kelulusan Institusi Pengajian Swasta dan Institusi dari luar negeri.

Bagi pemohon yang sedang berkhidmat dengan kerajaan, pastikan di dalam profil awda terdapat ruangan “Current Government Employee”/“Warga Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam”. Jika sekiranya tidak ada, pemohon hendaklah memaklumkan kepada POC (Kementerian/Jabatan) dan seterusnya POC (Kementerian /Jabatan) akan memaklumkan kepada POC (SPA).

My Profile

Working Experience

Public and Ex-Government Employee



Current Government Employee

	Start Date	To Date	Name And Address of Employer
	01/02/2015		PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office
	01/02/2015	31/01/2016	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office
	01/02/2014	31/01/2015	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office